

Makalah

MENABUR BUDI MENDIDIK ROHANI

<http://www.pusatislamumk.edu.my>



Program Ibadah Korban 1438H



Solat Hajat 10
Tahun UMK



Bengkel Hala Tuju
& SKT Pusat Islam
2018



Bengkel Strategik
Wakaf@UMK

Sidang REDAKSI



ISI KANDUNGAN

Penasihat

Azhar bin Muhammad
Mohd Zain bin Mubarak

Ketua Editor

Mohd Binyamin bin Che Yaacob

Penolong Ketua Editor

Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

Sidang Editor

Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman
El-Muhammady
Nor Zakwan bin Che Musa
Norma binti Abdullah
Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed

Fotografi

Khairudin bin Mat Lazim

Percetakan dan Edaran

Wan Mohd Amir bin Yusoff
Muhammad Husni bin Kamaruddin

Tinta Ketua Editor	MS 2
Warkah Pengarah	MS 3
Adab Mempelajari Ilmu	MS 4
Bengkel Hala Tuju, Bengkel Strategik Wakaf	MS 5
Pengoperasian Masjid, Pelantikan dan Lawatan	MS 6
Solat Hajat, Kunjungan ke Pejabat Pendaftar	MS 7
Keusahawanan Rasulullah SAW	MS 8
Solat Hajat Peperiksaan, Sambutan Maulidur Rasul	MS 9
Lensa @PIUMK, Permuafakatan 'Aasyuraa'	MS 10
Pelantikan Amil Zakat, Surau Ar-Ridhwan	MS 11
Ibadah Korban, Malam Apresiasi, Khutbah Jumaat	MS 12
Lensa @PIUMK, Kursus Pra-Perkahwinan	MS 13
Demi Masa, Ihya' Ramadan	MS 14
Program Infaq, Motivasi UPSR, Budaya Ilmu	MS 15
Tilawah al-Quran, 3M, Majlis Berbuka Puasa	MS 16
Lensa @PIUMK	MS 17
Kursus Pengurusan Jenazah	MS 18
Kenali Staf, Kenaikan Pangkat, Pelajar SL1M	MS 19

TINTA KETUA EDITOR

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (PIUMK) berjaya menerbitkan Makalah edisi pertama 2017. Penerbitan Makalah ini menggambarkan kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi diberikan oleh semua warga PIUMK dalam melaksanakan tanggungjawab serta amanah bagi memperkasakan PIUMK. Penerbitan ini juga menjadikan Pusat Islam sebagai salah sebuah organisasi cemerlang dalam menjayakan visi dan misi UMK.

Sebagai sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti kerohanian maka warga PIUMK berusaha keras untuk mewujudkan budaya cintakan ilmu duniawi dan ukhrawi secara seimbang. Bagi memastikan seluruh warga UMK dapat menghayati dan membudayakan amal kebaikan, PIUMK bertekad untuk memperbanyakkan lagi program-program kerohanian yang mendidik jiwa bagi tujuan membentuk jati diri dan kerohanian warga UMK.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan aktiviti anjuran PIUMK. Saya juga sangat mengalu-alukan cadangan penambahbaikan buletin PIUMK keluaran akan datang. Semoga segala sumbangan yang anda berikan diterima dan diberi ganjaran yang berlipat kali ganda oleh Allah SWT. Sekian Wassalam.

Mohd Binyamin bin Che Yaacob



Sebarang cadangan atau pandangan berkenaan Makalah ini, boleh berhubung :

EDITOR MAKALAH PUSAT ISLAM
Pusat Islam UMK
Tel : 09-7797475
Email : pusatislam@umk.edu.my
Facebook : PUSAT-ISLAM-UMK



Buat julung kalinya Makalah Pusat Islam UMK diterbitkan buat tatapan semua. Penerbitan Makalah ini bermatlamat memaparkan segala maklumat kepada semua pihak untuk menyelusuri segala perkembangan dan pembangunan Pusat Islam UMK. Penerbitan makalah ini juga lebih mementingkan penyampaian maklumat dan keilmuan yang membolehkan sesiapa sahaja membaca serta memilikinya sebagai koleksi pustaka peribadi. Ia bukan sahaja mempamerkan berita hal ehwal, program, dan aktiviti keagamaan semasa yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan, malah turut membekalkan pengetahuan tambahan berunsur keislaman kepada semua. Pusat Islam UMK berperanan sebagai sebuah pusat perkhidmatan yang lebih bercorak keagamaan dan kerohanian, di samping aspek-aspek lain yang menyokong dasar UMK sebagai sebuah universiti keusahawanan. Sejak penubuhannya, Pusat Islam UMK berjaya mengorak langkah ke arah tahap yang boleh dibanggakan dalam merencana dan mengaplikasi segala bentuk program dan aktiviti sebagai sebuah pusat perkhidmatan untuk staf, pelajar dan masyarakat. Walaupun dalam usia muda dari aspek penubuhannya, Pusat Islam UMK dapat menjalankan peranannya sama seperti pusat-pusat Islam lainnya di universiti awam mahu pun swasta.

Semua berita, perkhabaran, makalah, gambar dan foto yang dipaparkan dalam makalah ini secara langsung akan menampilkan peranan PIUMK sebagai sebuah institusi yang turut sama membangun segala bentuk dan corak keagamaan di dalam kampus ini. Pembangunan rohani bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diketengahkan kerana ia mempunyai kaitan erat dengan diri, akal, jiwa dan ruh. Pembangunan dalaman ini tidak boleh dizahirkan dalam bentuk material yang dapat dilihat dan dijamah seperti pembangunan luaran. Keberkesanan dan kejayaan membangun kegiatan seumpama ini memerlukan komitmen yang jitu daripada semua pihak, lebih-lebih lagi ia lebih bersifat sendiri. Justeru setiap orang dan seluruh warga kampus perlu berada dan bergerak dalam satu saf serta bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu bagi merealisasikan kejayaan yang didambakan.

Menyedari realiti ini, maka Pusat Islam UMK sentiasa menawarkan kepada seluruh warga kampus juga masyarakat seluruhnya untuk sama-sama berperanan meletakkan dasar-dasar Islam dalam semua gerak laku dan tindak tanduk sama ada secara rasmi atau sebaliknya. Maka dengan itu, Pusat Islam UMK sentiasa bersedia dan menyediakan setiap aktiviti yang akan memupuk jiwa dan raga; yang peduli ajaran agama serta prihatin dalam halaqat keintelektualan yang semestinya dipenuhi dengan kata didik, pesan, nasihat, dan wasiat. Semua ini akan menjurus kepada sentiasa beringat semasa bertugas, belajar, dan dalam melakukan apa jua ke arah yang diredai Allah dan Rasul-Nya.

Tahniah dan setinggi penghargaan kepada ketua dan sidang editor buletin Pusat Islam UMK yang telah berusaha dengan begitu tekun untuk merealisasikan penerbitan makalah ini dalam jangka masa yang mencarik keringat. Semoga keluaran sulung ini akan turut membantu pihak universiti meningkatkan pembangunan keintelektualan warga kampus dalam bentuk penerbitan. Keluaran ini juga akan menjadi penanda aras PIUMK untuk penerbitan secara berkala di masa-masa akan datang mengikut perkiraan yang dirangka dalam agenda penerbitannya.

Selamat maju jaya dan salam hormat, *wassalam*.

Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad

Sejarah PIUMK

- Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UnIPeN) telah ditubuhkan pada Jun 2007 di bawah Jabatan Canseleri.
- Nama UnIPeN ditukar kepada Bahagian Islam dan Pembangunan Nilai (BIPeN) berkuatkuasa Januari 2015, dan dipindah di bawah pentadbiran Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP).
- Pada Mac 2015, BIPeN kembali berada di bawah pentadbiran Pejabat Canseleri.
- BIPeN dinaiktaraf sebagai Pusat Islam UMK pada 8 Jun 2016.

OBJEKTIF PIUMK

- ❖ Menguruskan pelaksanaan dan kemudahan beribadat dalam kalangan warga kampus.
- ❖ Menjalankan aktiviti kerohanian mencakupi aspek fardu ain dan fardu kifayah.
- ❖ Mengajukan program keagamaan dan hari kebesaran Islam peringkat universiti.
- ❖ Melaksanakan program pembangunan nilai dan memupuk persefahaman serta muhibbah dalam kalangan warga universiti dan masyarakat.
- ❖ Menjadi pusat perkhidmatan, rujukan dan nasihat berkaitan hal ehwal Islam.

FUNGSI UTAMA

Pusat Islam secara umumnya bertanggungjawab kepada pengurusan dan pelaksanaan hal ehwal kerohanian universiti bagi mempertingkatkan jati diri warga universiti dan menguruskan aspek-aspek yang berkaitan dengan pembangunan nilai warga kampus. Merangkumi isu dan dasar mengenai kefahaman Islam, penyesuaian kepada penghayatan serta konsep Islam dalam konteks yang symul dan universal.

Adab

MEMPELAJARI ILMU



Oleh : Azhar bin Muhammad

Tujuan utama kedatangan dan keberadaan pelajar di institusi-institusi pengajian tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan yang lebih tinggi daripada apa yang mereka pelajari sebelum ini di peringkat sebelumnya. Sudah pasti ini adalah matlamat yang suci, ditambah dengan restu ibu bapa, seluruh kaum keluarga, bahkan seluruh masyarakat.

Perlu difahami bahawa ilmu yang dituntut adalah amanah yang mesti dipertanggungjawabkan kepada setiap individu. Amanah untuk mendapat ilmu yang akan mendekatkan diri kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*; menggunakan ilmu yang akan dipelajari nanti untuk dikembangkan, disebarkan, dipergunakan dan diamalkan untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Maka ilmu adalah sesuatu yang amat dituntut dalam Islam, setiap muslim dimestikan menuntut ilmu; khususnya ilmu fardhu ain yang merupakan kemestian bagi setiap individu kerana tanpa ilmu tersebut, kita jahil dalam melaksanakan ibadat terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Setiap individu juga mesti mempunyai ilmu fardhu kifayah kerana Islam memerlukan individu yang mempunyai kemahiran tertentu bagi membentuk umat Islam yang kuat, berpengetahuan, dan mempunyai daya saing yang tinggi.

Manusia pada mulanya dilahirkan dalam keadaan tidak mengetahui apa-apa pun. Tetapi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* meletakkan fitrah kepada manusia untuk mengetahui sesuatu yang belum diketahuinya. Naluri ingin mengetahui sesuatu merupakan pencetus keinginan untuk mencari maklumat dan cintakan ilmu pengetahuan.

Bagi memanfaatkan anugerah fitrah yang dikurniakan Allah untuk belajar, perlu ditanam azam untuk belajar dengan cara yang terbaik; agar ilmu yang diperolehi diberkati oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Maka perlulah diingatkan; semasa menuntut ilmu, adab-adab belajar perlu diikuti agar ilmu yang dipelajari nanti mendapat berkat serta diredai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Maka perlulah diingatkan; semasa menuntut ilmu, adab-adab belajar perlu diikuti agar ilmu yang dipelajari nanti mendapat berkat serta diredai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Antara adab utama yang patut dijaga oleh penuntut-penuntut ilmu walau bidang apa sekali pun ialah seorang penuntut ilmu mesti meletakkan niat yang ikhlas sebagai asas menuntut ilmu. Seseorang pelajar perlu meletakkan tujuan menuntut ilmu dari satu sudut untuk menyucikan hati serta melengkap diri dengan sifat-sifat terpuji (*Tazkiyyat al-Nafs*) dan dari satu sudut lagi untuk mendekatkan diri dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* (*al-Taqarrub Ila Allah*). Justeru niat sebegini tidak akan sekali-kali meletakkan tujuan lain seperti mendapatkan kekuasaan, harta dan pangkat. Dengan niat yang suci ini, walau apa ilmu sekalipun dituntut sama ada ilmu fardhu ain ataupun fardhu kifayah, maka ia akan diangkat oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada status orang-orang yang berilmu.

Ingatan yang diberikan oleh Rasulullah *Sallahu'Alayhi wa Sallam* daripada Abu Hurairah *Radiyallahu'Anhu* yang mengingatkan seseorang yang menuntut ilmu tentang tujuan utama sesuatu ilmu itu dituntut dan dipelajari amat wajar untuk diberikan perhatian. Peringatan itu ialah:

"Sesiapa yang mempelajari sesuatu ilmu yang sepatutnya dengan tujuan mencapai keredaan Allah, tetapi ia mempelajarinya hanya untuk mendapatkan habuan dunia (harta, pengaruh atau pangkat), nescaya ia tidak akan dapat mencium bau syurga pada hari kiamat nanti". (H.R. Abu Daud & Ibnu Majah)

Jadi jelas tujuan menuntut ilmu yang paling utama ialah untuk mendapat keredaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, bukan untuk mendapatkan habuan-habuan lain. Jadi setiap orang yang menuntut ilmu perlu memperbetulkan hati agar ilmu yang dituntut itu untuk mendapat reda Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, mendekatkan lagi diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*; bukan kerana kepentingan lain. Satu lagi hadis Rasulullah *Sallahu'Alayhi wa Sallam* diriwayatkan oleh Kaab bin Malik *Radiyallahu'Anhu* berkaitan balasan bagi penuntut ilmu yang menyeleweng daripada tujuan asal tersebut yang bermaksud:

"Sesiapa yang menuntut ilmu dengan tujuan bermegah-megah menandingi alim ulama dengan ilmunya, atau dengan tujuan bertekak dan memperbodohkan orang jahil dengan ilmunya itu, ataupun dengan tujuan menarik perhatian orang ramai untuk memujinya dengan ilmunya, nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam neraka". (H.R. Tirmizi & Ibnu Majah)

Begitu juga seorang penuntut ilmu mesti membersihkan diri daripada tingkah laku yang buruk, mengelakkan diri daripada melakukan maksiat dan perkara-perkara mungkar yang dimurkai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Justeru sebelum ilmu dituntut, pastikan diri dan jiwa dibersihkan daripada akhlak yang tidak baik dan kecenderungan yang buruk. Ini disebabkan ilmu itu itu suci, tempatnya di hati dan tujuannya untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Jadi hati mestilah suci dan bersih untuk menerima ilmu-ilmu yang dipelajari nanti, perangai perlu dijaga agar berkelakuan dengan sifat-sifat yang terpuji. Seseorang pelajar yang mempunyai perangai buruk, sifat-sifat terkeji, dan bergelung dengan maksiat mungkin juga berkeupayaan mendapatkan ilmu, tetapi ilmu yang diperolehi itu kosong tidak bermakna dan tiada nilainya kerana tidak dapat membawa dirinya kepada mendekati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Selaku penuntut ilmu juga, seseorang itu wajib menjauhkan daripada perkara-perkara yang membawa kepada maksiat kerana ilmu adalah penyeri yang akan menyerlahkan keperibadian seseorang sebagai seorang yang terpelajar dan berilmu. Sebenarnya ilmu yang akan dipelajari atau yang sedia ada pada diri seseorang adalah cahaya (nur) yang akan melimpahi dan menerangi dirinya. Hayati perbualan Al-Imam Syafie' bersama gurunya Waqi' yang mengeluarkan kata-kata yang begitu bermakna bagi seorang penuntut ilmu iaitu yang bermaksud:

"Ilmu itu cahaya dan cahaya Allah tidak akan diberikan kepada pelaku maksiat".

Jadi seorang pelajar mesti mengelakkan diri daripada berbuat perkara-perkara yang dilarang oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*; yang jelas mengundang kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana ilmu yang dipelajari tidak akan berada pada diri orang-orang yang melakukan kemaksiatan dan dosa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Seorang penuntut ilmu juga dituntut untuk menghormati dan memuliakan guru. Apabila berbicara tentang adab belajar, guru dan pendidik perlu diletakkan sebagai golongan terpenting kerana mereka berperanan menyebarkan ilmu dan membuatkan seseorang itu berilmu atau terpelajar. Guru bukan hanya berperanan mengajar dalam mata pelajaran atau bidang-bidang tertentu sahaja, bahkan mendidik seseorang cara untuk hidup di atas dunia ini dan lebih jauh lagi di akhirat kelak seperti yang diredai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Menurut sunnah Rasulullah *Sallahu'Alayhi wa Sallam*, pelajar mesti menghormati guru dan memberikan hak pemuliaan dan penghargaan kepada mereka. Guru ialah umpama seorang bapa kepada anak-anaknya. Rasulullah *Sallahu'Alayhi wa Sallam* sendiri pernah menggambarkan dirinya sedemikian melalui sabdanya yang bermaksud:

“*Sesungguhnya aku terhadap kamu semua sepertiilah seorang ayah dengan anaknya*”. (H.R Abu Daud & al-Nasa’i)

Jadi seorang penuntut ilmu tidak patut bersikap sombong dan meninggi diri terhadap guru hatta merendah-rendah dan menghina mereka. Sebaliknya mereka perlu sentiasa menghormati guru dan sentiasa merendah diri di hadapan mereka. Seorang pelajar perlu menjaga adab dengan guru; bersikap sopan apabila bercakap dengan mereka, tidak membantah atau melawan arahan serta tidak menyakiti hati mereka. Semua ini akan menjamin keberkatan daripada ilmu yang dipelajari daripada mereka. Selain itu, penuntut ilmu berkewajiban agar beramanah dengan ilmu yang dituntut dan dipelajari kerana amanah adalah sifat orang mukmin seperti firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam surah al-Mukminun (23:8) yang bermaksud:

“*Dan orang-orang mukmin yang beroleh kejayaan adalah mereka yang memelihara amanah dan janji*”.

Antara bersifat beramanah dengan ilmu ialah menyatakan kebenaran tanpa ragu-ragu. Penuntut ilmu perlu memastikan bahawa yang hak itu hak dan yang batil itu batil; perlu menyandarkan segala perkataan, idea dan pemikiran kepada yang hak dan asal berteraskan peraturan yang ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan Rasul-Nya. Patut berterus terang dalam penyampaian ilmu walau dalam keadaan mana sekalipun. Sabda Rasulullah *Sallahu’Alayhi wa Sallam* yang bermaksud:

“*Berkatalah yang hak / benar walaupun pahit*”. (H.R Ahmad, Al-Tabrani, Ibnu Hibban & Al-Hakim)

Maka jika sesuatu perkara itu tidak diketahui, hendaklah menyatakan bahawa “*saya tidak tahu*” kerana dalam ilmu tidak ada istilah “*malu*” atau “*takabbur*”. Rasulullah *Sallahu’Alayhi wa Sallam* pernah diajukan pertanyaan oleh Jibril a.s. di hadapan para sahabat tentang waktu berlaku kiamat, tetapi dijawab oleh baginda: “*orang yang bertanya lebih tahu daripada orang yang ditanya*”. Situasi ini antara lain memberikan erti bahawa baginda tidak tahu tentang jawabannya.

Itulah antara beberapa adab yang mesti diikuti oleh seseorang pelajar semasa menuntut ilmu agar penuntut ilmu diberkati, diredai dan dirahmati Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Justeru seorang penuntut ilmu perlu menjaga adab dan tingkah laku ini. Penuntut ilmu perlu memastikan nawaitu belajar yang betul, menjauhi maksiat dan dosa kerana ia akan menjauhkan seorang penuntut ilmu daripada nur Allah. Maka sayugia diingatkan bahawa ilmu itu nur, cahaya, bimbingan, petunjuk, dan hidayah Allah *Subhanahu wa Ta’ala* yang pastikan akan membawa kita kepada reda Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Penuntut ilmu perlu sedar bahawa matlamat asal menuntut ilmu bukan hanya untuk menjadikannya sebagai orang yang mempunyai ilmu tetapi orang berilmu yang diredai Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Bengkel Hala Tuju dan SKT Pusat Islam 2018



Setiu, Terengganu, 15 Disember 2017 – Seramai 11 orang staf Pusat Islam UMK telah menghadiri Bengkel Hala Tuju dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2018 yang diadakan di Sutra Beach Resort, Merang, Setiu, Terengganu. Bengkel tersebut telah berlangsung selama 3 hari 2 malam bermula 15 hingga 17 Disember 2017. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang bengkel tersebut, antaranya ialah sesi pembentangan oleh setiap unit tentang perancangan aktiviti dan gerak kerja untuk tahun 2018, aktiviti riadah, dan sesi perkongsian oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya. Dr. Azhar bin Muhammad menegaskan bengkel ini amat penting dalam usaha perancangan aktiviti dan gerak kerja Pusat Islam tahun 2018 untuk lebih maju selaras dengan visi dan misi UMK. Tambah beliau lagi, beliau berpuas hati dengan segala hal yang telah dibincangkan dalam bengkel ini dan berharap agar semua staf dapat menjalankan segala perancangan dengan jaya beserta niat yang betul dan usaha yang bersepadu.

Bengkel Strategik Wakaf@UMK



Pusat Islam UMK telah menjalankan Bengkel Strategik Wakaf@UMK pada 12 dan 13 Disember 2017. Bengkel yang dijalankan di Hotel Perdana, Kota Bharu itu dihadiri oleh ahli jawatankuasa wakaf UMK termasuk Pengarah, Timbalan Pengarah dan Pegawai Hal Ehwal Islam PIUMK. Turut serta dua orang Pegawai Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Pn. Shakirah binti Mohamad dan Penolong Pegawai, Pn. Siti Nur Idayu binti Mohd Othman. Bengkel ini dikendalikan sepenuhnya oleh fasilitator jemputan iaitu Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff yang merupakan antara Panel Penulis Buku Ungu Wakaf Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Bengkel ini bertujuan untuk menghimpunkan jentera penggerak wakaf dengan pihak MAIK dan juga penggubal Buku Ungu Wakaf KPT. Antara perkara yang ditekankan sepanjang bengkel adalah isu *mutawalli* daripada MAIK dan juga strategi untuk menjayakan agenda dan pelaksanaan wakaf di UMK.

Pengoperasian Masjid dan Pejabat Pusat Islam UMK Bachok



Masjid dan Pejabat Pusat Islam UMK Kampus Bachok telah beroperasi secara rasmi setelah dua tahun melalui proses pembinaannya. Masjid yang dibina bercirikan ukiran seni bina Melayu Kelantan ini boleh memuatkan 4000 jemaah pada satu masa. Masjid ini dilengkapi dengan ruang solat lelaki dan wanita, koridor serba guna, dapur, dan bilik pengurusan jenazah. Pejabat Pusat Islam yang ditempatkan di tingkat 1 bangunan ini pula dilengkapi dengan bilik pengarah dan pegawai, ruang pejabat, bilik mesyuarat, bilik tetamu, bilik seminar dan bilik pusat sumber.



Pelantikan Baharu Pengarah dan Timbalan Pengarah

Dr. Azhar bin Muhammad, Prof Madya daripada Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah telah dilantik sebagai Pengarah Pusat Islam UMK yang baharu berkuatkuasa pada 23 Julai 2017. Manakala Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak pula telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah bagi memfokuskan kepada agenda pelaksanaan wakaf di Universiti. Pelantikan ini dibuat bagi memperkasakan lagi peranan Pusat Islam serta agenda wakaf di UMK. Makalah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kedua-dua pelantikan tersebut. Semoga dengan pelantikan ini, Pusat Islam UMK akan terus maju menuju kecemerlangan.

Lawatan kerja ke Pusat Islam USM Kampus Kesihatan



Warga Pusat Islam telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan, Kubang Kerian pada 25 Oktober 2017. Seramai 9 orang staf PIUMK telah turut serta dalam lawatan tersebut yang diketuai oleh Pengarah Pusat Islam, Timbalan Pengarah dan wakil staf Pusat Islam di ketiga-tiga kampus. Delegasi PIUMK disambut oleh Timbalan Pengarah dan staf Pusat Islam USM. Tujuan lawatan tersebut ialah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga kerja PIUMK dan Pusat Islam USM. Pelbagai manfaat telah diperolehi sepanjang lawatan tersebut dari aspek pelaksanaan program dan pengurusan pentadbiran pejabat dan masjid melalui perkongsian dua hala tersebut. Dalam lawatan tersebut, Timbalan Pengarah Pusat Islam USM Kampus Kesihatan, Profesor Madya Dr. Wan Nudri Wan Daud berkata, pihaknya mengalu-alukan kedatangan Pengarah dan staf PIUMK serta berharap kunjungan ini dapat mewujudkan jalinan kerjasama dan menjayakan pelbagai aktiviti keagamaan secara bersama. Ucapan balas Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata, beliau berpuas hati dengan lawatan ini dan berharap agar semua staf Pusat Islam UMK dapat mengambil pengalaman dalam pelbagai aspek daripada universiti ternama ini. Lawatan tersebut diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.



Solat Hajat Sempena 10 Tahun UMK & Sambutan Maulidur Rasul SAW 1439H

Pusat Islam UMK telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Solat Hajat dan Sambutan Maulidur Rasul SAW pada 7 Disember 2017 sempena 10 tahun UMK di masjid UMK Kampus Bachok. Majlis telah dihadiri oleh wakil pengurusan tertinggi UMK, staf dan para pelajar. Majlis diserikan dengan kehadiran Prof. Ir. Dr. Shah Nor bin Basri, Penolong Naib Canselor UMK pada jam 6.45 petang diiringi oleh Pengarah Pusat Islam. Majlis dimulai dengan solat Maghrib berjamaah diikuti bacaan Yaasin yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Binyamin bin Che Yaacob. Majlis disusuli dengan ucapan Penolong Naib Canselor, yang mana beliau memanjatkan rasa syukur sepanjang 10 tahun, UMK telah mencapai pelbagai kejayaan dan pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Majlis diteruskan dengan solat Isyak, solat hajat dan ceramah Maulidur Rasul SAW yang disampaikan sendiri oleh Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya. Dr. Azhar bin Muhammad. Majlis ini juga turut dihadiri oleh pelajar daripada Kampus Bachok, Kota dan Jeli, serta masyarakat setempat yang diketuai oleh Imam Tua Masjid Mukim Neman, ahli jawatankuasanya dan penduduk kampung. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati, diikuti dengan selawat dan jamuan makan malam.

Kunjungan Hormat Pengurusan Pusat Islam ke Pejabat Pendaftar



Pengurusan Pusat Islam telah membuat kunjungan ke Pejabat Pendaftar di Kampus Bachok pada 28 September 2017. Kunjungan tersebut dihadiri oleh Pengarah Pusat Islam UMK dan 7 orang staf Pusat Islam dari Kampus Kota, Bachok dan Jeli. Dalam sesi perbincangan dengan Pendaftar, Mej (B) Pauzi bin Pak Chu, banyak perkara yang dibincangkan terutamanya berkaitan peranan, fungsi dan hala tuju Pusat Islam sebagai sebuah pusat perkhidmatan dari aspek pembangunan kerohanian warga kampus. Selain itu, Pendaftar menekankan usaha mengoptimumkan pengoperasian Pusat Islam dari sudut penyediaan kemudahan tempat ibadat kepada warga UMK, perkhidmatan komuniti seperti menganjurkan kursus-kursus keagamaan dan kelas pengajian serta membantu Hal Ehwal Pelajar dalam mengenal pasti pelajar yang kurang berkemampuan dari aspek kewangan untuk dibantu dengan dana zakat. Pendaftar juga mengemukakan idea yang Pusat Islam turut memberikan sumbangan dari aspek penerbitan termasuk Buletin Pusat Islam dan lain-lain. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dalam ucapannya berharap pihak Pendaftar dapat sentiasa memberikan kerjasama dalam pelbagai aspek demi menjayakan aktiviti-aktiviti kerohanian di UMK.

KEUSAHAWANAN Rasulullah SAW



Oleh : Mohd Zain bin Mubarak

Sejarah membuktikan aktiviti perniagaan dengan budaya masyarakat Arab adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Malah kedatangan Islam ke Alam Melayu turut berpunca dari dakwah yang dibawa oleh pedagang dari Arab. Secara khususnya, kehidupan sebenar penduduk di semenanjung tanah Arab atau di Mekah adalah berkaitan dengan perniagaan kerana tanahnya yang kering dan berpasir atau kawasan berbatu dan bergunung tandus (Afzalur, 1993). Aktiviti pertanian adalah sangat terhad disebabkan faktor cuaca dan bentuk muka bumi yang kering kontang. Hal ini juga digambarkan oleh Allah SWT dalam al-Quran melalui surah Ibrāhīm ayat 37 yang bermaksud:

"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah suci Makkah) yang tidak ada tanaman padanya, di sisi rumahmu yang diharamkan mencerobohnya..."

Sejarah mengenai kegiatan perniagaan dan pedagang di Mekah banyak disebut dalam kitab-kitab yang menyentuh soal aktiviti ekonomi pada ketika itu. Malah pedagang di kota Mekah turut berniaga di selatan semenanjung tanah Arab dan sekitarnya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Quraisy ayat 1-2 yang bermaksud;

"Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Mekah). (laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Shām)"

Latar belakang keluarga Rasulullah SAW daripada keturunan Banī Quraisy juga sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan dunia perniagaan. Bapa Rasulullah SAW iaitu ʿAbd Allah bin ʿAbd al-Muṭalib juga merupakan seorang peniaga dan menjalankan perniagaan sehingga ke negeri Yaman dan Shām. Beliau meninggal dunia sewaktu dalam perjalanan pulang ke Mekah setelah berniaga di Shām (Haekal, 1986).

Rasulullah SAW dilahirkan di kota Mekah pada tahun Gajah bersamaan tahun 570M sebagai yatim piatu dan dalam suasana keluarga yang miskin. Semenjak bayi lagi sebagaimana amalan masyarakat kaum Quraisy ketika itu, Baginda telah diserahkan kepada ibu susuan iaitu Ḥalimah al-Saʿdīyah dari golongan Banī Saʿd bin Bakr (Ibnu Hishām, 2003). Baginda dipelihara di perkampungan Badwī Banī Saʿd bin Bakr yang terletak di antara Kota Mekah dan Ṭāif yang masyhur dengan iklim yang baik dan sesuai sebagai tempat membesarkan anak-anak. Semasa tempoh bersama ibu susuannya dan dalam usia yang amat muda ini, Rasulullah SAW telah pun didedahkan dengan suasana dan persekitaran kehidupan sebagai penternak dan mengembala kambing di perkampungan tersebut. Rasulullah SAW tinggal bersama ibu susuannya sehingga berumur lima tahun dan setelah itu diserahkan kembali kepada ibunya Aminah (al-Nadwī, 2001). Setelah kembali kepada ibunya, Rasulullah SAW terus terlibat dengan pengembalaan kambing yang menjadi pekerjaan kebanyakan para Nabi (Maḥy al-Dīn, 1972).

Ketika berusia enam tahun ibunya Aminah pula meninggal dunia di suatu tempat antara Mekah dan Madinah yang bernama *Abwāʿ* sewaktu pulang bersama Baginda dari menziarahi kubur suaminya ʿAbd Allah (al-Nadwī, 2001).

Setelah kematian ibunya, Rasulullah SAW dipelihara pula oleh ʿAbd al-Muṭalib dengan penuh kasih sayang sehinggalah datuknya itu meninggal dunia ketika Baginda berumur lapan tahun dan dipelihara pula oleh bapa saudaranya Abī Ṭālib yang menjaga dan menyayangi anak saudaranya itu seperti mana ʿAbd al-Muṭalib (Ibnu Hisyām, 2003). Baginda sejak dari kanak-kanak membesar dalam keadaan yang dipelihara oleh Allah SWT daripada pengaruh atau budaya buruk masyarakat jahiliyah dan dengan kemuliaan akhlak yang dimiliki Baginda dikenali dengan gelaran al-Amīn (Ibnu Hisyām, 2003). Ketika bersama Abī Ṭālib, Rasulullah SAW berusaha untuk membalas kebaikan bapa saudaranya

dengan mengambil upah mengembala kambing kepunyaan orang-orang di Mekah. Mengambil upah mengembala kambing merupakan suatu pekerjaan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sebagaimana nabi-nabi yang terdahulu. Perkara ini disebut oleh Ibnu Hisyām (2003) dalam *Sīrah al-Nabawīyyah* bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud;

"Tidak ada seorang Nabi pun yang tidak mengembala kambing". Ada yang berkata: "Engkau juga wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Ya, Aku juga"

Kerja mengambil upah mengembala kambing kepunyaan masyarakat Mekah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sejak kanak-kanak lagi bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh. Ia bukan sekadar mencari pendapat bagi membantu keluarga namun mempunyai falsafah dan nilai tersendiri dalam melatih dan membina karektor menjadi usahawan berjaya. Baginda mengambil upah mengembala kambing kepunyaan masyarakat Mekah yang pasti bukan sedikit jumlahnya malah ratusan ekor di kawasan padang pasir yang kering, sentiasa memastikan bilangannya cukup, kambing juga perlu dalam keadaan selamat, sihat dan kenyang setiap hari (Laode, 2009). Berdasarkan keupayaan itu Baginda diberi kepercayaan oleh penduduk Mekah untuk melakukan tugas tersebut yang memerlukan kesabaran tinggi, bertanggungjawab, ketelitian, kreativiti, keberanian dan berdikari ketika Baginda masih kanak-kanak lagi (7 hingga 12 tahun). Ini bermakna Baginda telah dilatih untuk mengurus atau mengelola sesuatu perkara yang diamanahkan sejak kecil dalam persekitaran yang mencabar seterusnya membina ciri-ciri kepimpinan, ketahanan atau disiplin diri serta berfikir strategik dan kreatif. Rasulullah SAW berasal dari suku bangsa Quraisy yang sememangnya terkenal sebagai golongan peniaga atau pedagang. ʿAṭīyyah (1965) dalam kitabnya *ʿAzamah al-Rasul* atau Kebesaran Rasul menyebut bahawa masyarakat Quraisy adalah sinonim dengan perniagaan, dan sesiapa dari kalangan mereka yang tidak menjadi peniaga maka tidak ada apa lagi di sisi mereka yang boleh di banggakan.

Bapa saudara Baginda iaitu Abī Ṭālib yang juga merupakan seorang peniaga turut berperanan dalam mendidik dan melatih Rasulullah SAW dalam dunia perniagaan sejak kecil. Baginda yang rapat dan tidak mahu berpisah dengan Abī Ṭālib telah menyertai rombongan perniagaan bapa saudaranya itu ke Shām meskipun pada permulaannya Abī Ṭālib tidak mahu membawa bersama Baginda memandangkan perjalanan tersebut adalah yang jauh dan mencabar (Ibnu Hisyām, 2003) kira-kira 900 kilometer dari Mekah (Tarikuddin, 2006) bagi seorang yang ketika itu baru berusia 12 tahun. Di kala usia muda itu Rasulullah SAW telah melalui pengalaman mengembara dan memahami urusan perniagaan di peringkat antarabangsa.

Kehidupan Baginda bersama dengan Abī Ṭālib yang juga merupakan seorang pedagang dilihat sebagai suatu fasa penting dalam membina kemahiran keusahawanan melalui persekitaran dan pengalaman dalam dunia perniagaan. Dalam tempoh tersebut Baginda telah diasuh oleh Abī Ṭālib mengenai dunia perniagaan dan disebut dalam Afzalur (1993) di mana ketika berumur di antara 18 hingga 25 tahun, Baginda menjalankan aktiviti perniagaan sama ada dengan modal mahupun mendapat upah dari peniaga-peniaga di Mekah. Walaupun tidak mempunyai modal yang banyak namun dengan reputasi akhlak dan kejujuran maka ramai dalam kalangan peniaga yang menjadikan Rasulullah SAW sebagai rakan kongsi untuk menjalankan perniagaan mereka dan antaranya dengan Khadījah sendiri. Kedudukan Abī Ṭālib juga bukanlah seorang yang senang tetapi juga berdepan dengan kesusahan dalam kehidupan.

Perkara ini dinukilkan oleh ‘Aṭīyyah (1965) mengenai kata-kata Abī Ṭālib kepada Rasulullah SAW tatkala mempunyai peluang dan tawaran untuk bekerja dengan Khadījah seperti berikut;

“Wahai anak saudara saya, saya seorang yang miskin tidak mempunyai harta dan waktu telah menekan kita, dan keadaan menjadi semakin teruk. Kita tidak mempunyai sesuatu pun, begitu juga dengan perniagaan”

Keadaan ini menyebabkan Rasulullah SAW perlu berikhtiar mencari peluang yang lebih baik bagi menampung kehidupan Baginda bersama bapa saudaranya. Khadījah binti Khuwaylid yang juga merupakan keturunan Arab Quraisy adalah ahli perniagaan yang kaya dan bersifat mulia. Beliau mengupah orang lain untuk menjalankan perniagaannya keluar Mekah dan apabila terpikat dengan kemuliaan akhlak Rasulullah SAW, Khadījah bersetuju membayar upah yang paling tinggi kepada Baginda berbanding orang lain (Ibnu Hisyām, 2003).

Hasil usaha dan rundingan Abī Ṭālib, Baginda telah diberi kepercayaan oleh Khadījah untuk mengetuai beberapa misi perdagangan ke utara dan selatan tanah Arab dan juga rombongan perniagaan ke Shām ketika Baginda berusia 25 tahun yang banyak disebut di dalam kitab-kitab sirah dan hadith kerana selepas itu Khadījah telah melamar Baginda (Afzalur, 1993). Setelah berkahwin dengan Khadījah, Rasulullah SAW terus melibatkan diri dalam urusan perniagaan sehinggalah berusia lewat 30-an sebelum penurunan wahyu..

Baginda SAW telah terlibat dan menjalankan perniagaan hampir di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Antara tempat atau pasar yang pernah dikunjunginya adalah seperti pasar *Dūmah al-Jandal* (دومة الجندل), *al-Musyaqqar* (المشقر), *Ṣuhār* (صحار), *Dabā* (دبا), *al-Shiḥr* (الشحر), ‘*Aden* (عدن), *Ṣan-ā’* (صنعاء), *al-Rābiyah* (الرابية), ‘*Ukāz* (عكاظ), *Dhī al-Majāz* (ذى المجاز), *Naḏāt* (نظاة) dan *Hijr* (حجر) yang beroperasi pada waktu atau musim tertentu (Abī Ja‘far, 1942). Kesemua lokasi pasar-pasar ini merangkumi keseluruhan semenanjung tanah Arab.


Boleh dikatakan bahawa kehidupan Rasulullah SAW sejak kecil sehinggalah Baginda berusia hampir 40 tahun adalah berada dalam dunia perniagaan atau sebagai usahawan. Rasulullah SAW bukan sahaja sebagai Rasul dan pemimpin namun Baginda juga merupakan ikon usahawan berjaya dan seharusnya menjadi aspirasi dan inspirasi bagi umat Islam dalam menjayakan kegiatan keusahawanan. Apa yang dinyatakan di sini adalah sebahagian daripada aspek latar belakang sejarah Baginda berkaitan keusahawanan sejak kecil sehingga dewasa. Sesungguhnya Baginda dan para sahabat telah meletakkan suatu kerangka model usahawan Muslim yang boleh menjadi panduan ke arah pembentukan usahawan Muslim yang berjaya dalam konteks semasa.

Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa antara sunah penting oleh Baginda Rasulullah SAW yang perlu kita hayati sebagai umat Islam adalah membudayakan aspek keusahawanan dalam kehidupan kita.

Majlis Solat Hajat Sempena Peperiksaan dan Ceramah Maulidur Rasul SAW 1439H di Kampus Bachok, Kota & Jeli

Sebanyak 200 orang pelajar UMK siswa dan siswi di ketiga-tiga kampus telah menyertai Solat Hajat Sempena Peperiksaan yang berlangsung pada 20 Disember 2017 di Kampus Kota dan pada 21 Disember 2017 di Kampus Bachok dan Kampus Jeli. Majlis bermula jam 7.00 malam itu diserikan dengan ceramah Maulidur Rasul SAW yang disampaikan oleh imam dan Pegawai Hal Ehwal Islam di ketiga-kampus iaitu Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob, imam Kampus Kota, Ustaz Wan Mohd Amir bin Yusoff, imam Kampus Bachok, dan Ustaz Hafizhuddin bin Mat Naziz, imam Kampus Jeli. Majlis Solat Hajat dilaksanakan bertujuan memohon rahmat dan petunjuk dari Allah SWT supaya dipermudahkan semua pelajar menduduki peperiksaan yang akan bermula akhir Disember 2017. Majlis ini merupakan program tahunan PIUMK yang dilaksanakan sebelum cuti *study week* dengan kerjasama MPP dan beberapa kelab seperti JT, JPKK dan Sahabat YADIM. Solat hajat dilakukan selepas solat Isyak dan berakhir dengan selawat ke atas baginda Rasulullah SAW.





Kursus Pengurusan Jenazah



Solat Hajat 10 Tahun UMK



Kursus Pra-Perkahwinan



Kuliah Ilmu-Siswi : Setiap hari Selasa



Majlis Khatam Al-Quran



Program Maulidur Rasul SAW



Mesyuarat Kembara Bumi Anbiya'



Majlis Perpisahan Pelajar SL1M



Penyediaan Makalah Pusat Islam

Program Pemuaafakatan 'Aasyuraa'

Warga UMK telah memeriahkan Sambutan Maal Hijrah 1439H dengan acara bergotong-royong memasak bubur 'Aasyuura' sempena bulan Muharam 1439H. Program memasak bubur 'Aasyuura' telah diadakan di tiga-tiga kampus iaitu 23 Oktober 2017 di Kampus Bachok, 23 Oktober 2017 di Kampus Kota dan 6 November 2017 di Kampus Jeli. Staf dan pelajar telah memeriahkan program dengan bergotong-royong menyediakan sebanyak dua buah kawah bubur 'Aasyuura' di setiap kampus. Dianggarkan seramai 100 orang pelajar dan staf di Kampus Bachok, 200 orang di Kampus Kota dan 100 orang di Kampus Jeli telah bersama-sama menyiapkan bubur 'Aasyuura'. Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar, Puan Alifah bt Adnan berkata, program ini dapat memupuk ikatan persaudaraan dalam kalangan staf dan pelajar UMK. "Program ini mendapat sambutan apabila acara bergotong-royong memasak bubur 'Aasyuura' bagaikan sebuah pesta membabitkan penyertaan warga kampus," katanya. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata, program ini merupakan platform untuk menyuntik perubahan sikap agar warga kampus terus menghayati semangat kerjasama dalam semua kegiatan kemasyarakatan terutamanya program-program keagamaan. Program bermula seawal 7.30 pagi sehingga pukul 7.00 malam. Selain dibawa pulang sebagai juadah istimewa masing-masing, bubur yang siap dimasak dan dibungkus turut diagihkan kepada penduduk tempatan sekitar kampus. Bungkusan bubur 'aasyuura' tersebut telah diagihkan oleh Pengarah dan staf Pusat Islam di Masjid Mukim Neman.



Pelantikan Pusat Islam UMK sebagai Amil Zakat Harta



Pusat Islam UMK secara rasminya telah dilantik sebagai Amil Zakat Harta oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Pelantikan tersebut memberi mandat kepada Pusat Islam menerima zakat berbentuk zakat pendapatan, harta, perniagaan dan sebagainya. Pihak Pusat Islam merakamkan ucapan terima kasih di atas pelantikan tersebut kerana dapat memudahkan lagi urusan zakat di UMK sebagai suatu galakan kepada warga UMK untuk membayar zakat bagi melaksanakan rukun Islam yang keempat. Pengarah serta pengurusan Pusat Islam juga telah menghadiri taklimat pengurusan zakat oleh MAIK pada 15 Ogos 2017 di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, Kota Bharu. Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Zakat MAIK, Ustaz Ridhwan bin Abdul Rahman dan juga staf pengurusan zakat MAIK. Dalam taklimat tersebut, beliau menekankan kepentingan pelaksanaan zakat di UMK untuk membantu meringankan bebanan asnaf UMK dalam kalangan staf dan pelajar. PIUMK diminta untuk mengatur program-program mempromosikan kepentingan membayar zakat dalam kalangan warga UMK dan menjadikannya salah satu agenda utama PIUMK.

Nostalgia Surau Ar-Ridhwan

Sebelum mempunyai sebuah masjid dan ruang pejabat, UMK Kampus Bachok mempunyai sebuah surau yang diberi nama Surau Ar-Ridhwan, Kolej Kediaman IBS. Surau ini telah dibina pada tahun 2014 dan secara rasmi beroperasi untuk kegunaan jemaah dan aktiviti pada bulan Mac 2015 yang dirasmikan oleh Menteri Mentor UMK, Yang Berhormat Dato' Seri Mustapa Bin Mohamed. Surau yang dibina berdekatan dengan penempatan pelajar menjadikannya tempat tumpuan para pelajar muslim untuk mendalami ilmu-ilmu agama yang disusun dan diselia oleh staf Pusat Islam. Kebanyakan aktiviti atau program kerohanian dijalankan di Surau Ar-Ridhwan walaupun ruangnya terhad hanya 100 orang pada satu masa.

Program Ibadah Korban UMK

Pusat Islam UMK telah menganjurkan Program Ibadah Korban Peringkat Universiti pada 4 September 2017 iaitu pada hari raya Aidiladha ketiga di perkarangan Pusat Islam UMK Kampus Bachok. Peserta yang mengambil bahagian korban terdiri dalam kalangan staf UMK melalui pembayaran tunai atau kaedah menabung secara potongan gaji. Kaedah potongan gaji ini dijalankan sebagai galakan kepada staf menjalani ibadah korban untuk menzahirkan kehambaan dan kecintaan kepada Allah SWT serta menghayati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim AS. Program turut dihadiri oleh Naib Canselor UMK Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Pendaftar Mej (B) Pauzi bin Pak Chu, Pengarah Pusat Islam Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, dekan-dekan, ketua jabatan, staf dan pelajar serta komuniti sekitar UMK Kampus Bachok. Program dimulakan dengan bacaan doa dan disusuli dengan penyembelihan tiga ekor lembu korban. Proses melapah dan pembahagian daging korban selesai pada pukul 12.45 tengahari. Selepas solat Zohor para peserta dan tetamu yang hadir dihidangkan jamuan tengahari yang dimasak secara gotong-royong di dapur PIUMK. Program diakhiri dengan pengagihan daging korban oleh Pengarah Pusat Islam kepada staf dan penduduk masyarakat setempat bertempat di Masjid Mukim Neman.



Malam Apresiasi Staf PIUMK




Pusat Islam telah mengadakan majlis Malam Apresiasi Staf PIUMK pada 17 Oktober 2017. Majlis yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada staf Pusat Islam yang menjalankan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2016. Majlis yang diadakan di New Horizon Garden, Kota Bharu itu dihadiri oleh Pengarah, Timbalan Pengarah, dan staf Pusat Islam di ketiga-tiga kampus. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dalam ucapannya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua staf yang menjayakan majlis tersebut dan di atas pelbagai kejayaan yang dicapai oleh Pusat Islam. Beberapa kategori anugerah telah disampaikan iaitu Anugerah Staf Berdedikasi 2016 kepada Ustaz Khairudin bin Mat Lazim, Anugerah Staf Harapan 2016 kepada Ustaz Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz, dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada Ustaz Wan Mohd Amir bin Yusoff. Majlis diakhiri dengan acara makan malam untuk menghargai semua staf Pusat Islam UMK. Pengarah juga mengharapkan melalui anugerah yang diberikan dapat memberikan galakan bagi meningkatkan prestasi kerja dan menjadi motivasi kepada staf yang lain. Majlis ini juga diadakan untuk menghargai sumbangan mantan Pengarah Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak yang telah membawa Pusat Islam ke peringkat yang dibanggakan. Majlis berakhir dengan penyampaian cenderahati penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak.

Khutbah Jumaat Sempena Pendaftaran Pelajar Baharu

Khutbah Jumaat Khas telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad di Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-lz Petra Kampus Jeli yang bertajuk "Adab Mempelajari Ilmu" pada 7 September 2017. Khutbah khas tersebut disampaikan bagi mengalu-alukan pelajar baharu sesi 2017/2018. Dalam khutbah tersebut, Pengarah menekankan aspek ilmu yang merupakan amanah yang mesti dipertanggungjawabkan kepada setiap individu. Beliau juga telah menyatakan bahawa para pelajar perlu jelas tujuan menuntut ilmu yang paling utama ialah mendapat kerediaan Allah SWT. Selain itu, para pelajar juga dituntut untuk menghormati dan memuliakan guru merupakan punca keberkatan ilmu. Solat Jumaat yang diimamkan sendiri oleh Pengarah Pusat Islam tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak, staf Pusat Islam, staf UMK Kampus Jeli bersama 700 orang jemaah.



Lensa @ PIUMK



SEKITAR KURSUS PRA PERKAHWINAN KAMPUS KOTA (11 & 12 Oktober 2017) DAN BACHOK (10 & 11 Mac 2017)



SEKITAR SLOT PUSAT ISLAM BERSAMA PELAJAR BAHARU SESI 2017/2018 DALAM MINGGU MESRA MAHASISWA (3M)



Solat Terawih

Kuliah Ilmu Siswi Khas (15 Ramadan 1438H)

Kaunter Zakat (25 Ramadan 1438H)

PROGRAM IHYA' RAMADAN 1438H

Kursus Pra-Perkahwinan Untuk Mahasiswa UMK



Pusat Islam UMK dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah mengadakan Kursus Pra Perkahwinan di Kampus Kota pada 19 & 20 Oktober 2017, manakala di Kampus Bachok pada 10 & 11 Mac 2017. Sebanyak 150 orang pelajar di kedua-dua kampus telah menyertai kursus ini. Kursus tersebut dijalankan pada setiap tahun memandangkan kepentingannya kepada mahasiswa UMK. Kursus Pra Perkahwinan bukan sahaja menerapkan ilmu persediaan menghadapi alam perkahwinan, tetapi ia juga bermatlamat untuk mengurangkan gejala sosial dalam kalangan mahasiswa dengan memberi pendedahan akibat buruk daripada gejala sosial dalam kalangan muda-mudi. Kursus ini telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai daripada JAHEAIK yang membuat pengisian sebanyak 13 slot ceramah. Mahasiswa UMK menunjukkan respons yang positif melalui kursus tersebut dengan penyertaan yang begitu ramai di setiap kampus.

DEMI MASA



Oleh : Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady

Kejayaan hakiki seseorang Muslim adalah bergantung kepada keinginan lubuk hatin kecilnya ke arah menyempurnakan segala tanggungjawab dalam pelajaran, dakwah, keluarga dan masyarakat. Seseorang Insan mungkin sibuk dalam kehidupan sehariannya dengan berbagai-bagai tugas dan tanggungjawab.

Namun masih bersemangat dalam menyusun dan memprogramkan kehidupannya dan masyarakat serta menjaga keseimbangan dalam kehidupan. Seorang Muslim harus menyempurnakan kerja-kerja dakwah dan jemaah, berinteraksi dengan masyarakat dan mewujudkan suasana yang solihah di dalam dan luar rumah. Oleh itu, sesungguhnya masa itu tidak dapat di ulang kembali apabila ia telah berlalu, maka manfaatkan masa yang ada dengan urusan yang lebih penting untuk Ummah.

Sekiranya ia tidak dimanfaatkan dengan urusan yang baik maka kita akan disibukkan dengan urusan yang tidak penting.

Allah SWT bersumpah dengan masa sebagaimana Allah berfirman: *"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan menasihati supaya mentaati kebenaran dan menasihati supaya menatap kesabaran."* (Surah Al-Asr: 1 -2)

Ayat di atas menggambarkan bahawa manusia yang tidak menggunakan masa dengan sebaiknya untuk mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya adalah dari golongan yang sangat rugi. Kelompok manusia yang dianggap rugi adalah kelompok manusia yang membiarkan masa berlalu tanpa memanfaatkannya dengan nasihat-menasihati dalam urusan keduniaan dan Akhirat dan sabar dalam mengharungi kehidupan dunia.

Mereka yang rugi juga adalah mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di bumi Allah kerana lalai, kurang ilmu dan leka dengan nikmat kehidupan dunia yang sementara sedangkan kehidupan yang kekal adalah kehidupan Akhirat.

Secara umum, pengurusan masa diri, keluarga dan masyarakat yang baik adalah berhubungkait dengan :

1. Ilmu
2. Pengurusan yang teratur
3. Perancangan yang rapi
4. Pemikiran yang tajam
5. Pengawalan yang bijaksana

Islam telah mengajar kita dalam pengurusan dan kepentingan masa ini sejak bermulanya dakwah itu sendiri. Malangnya, umat Islam pada hari ini tersepit dengan materialistik dan kurang ilmu dan mengundang rasa kurang tanggungjawab untuk menguruskan kehidupan diri dan masyarakat dengan teratur disebabkan kelalaian mereka sendiri.

Program Ihya' Ramadan 1438H

Setiap tahun, Pusat Islam mengadakan sambutan sempena kedatangan bulan Ramadan. Bermula 26 Mei 2017, pelbagai program diatur sebagai pengisian untuk warga UMK memupuk semangat meningkatkan amalan soleh memandangkan bulan Ramadan merupakan bulan digandakan pahala amalan. Program yang dilaksanakan sepanjang Ramadan ialah seperti ceramah Marhaban ya Ramadan yang diadakan seminggu sebelum Ramadan. Pelbagai program telah diadakan antaranya solat terawih, majlis berbuka puasa, tadarus al-Quran, kuliah zohor, ceramah nuzul Quran, Majlis Khatam Al-Quran, qiamullail, pembukaan kaunter bayaran zakat dan sebagainya. Pusat Islam telah mengadakan majlis berbuka puasa kepada pelajar pada hari Isnin dan Khamis sepanjang Ramadan. Semua program tersebut merupakan program tahunan Pusat Islam sebagai salah satu usaha menghidupkan bulan Ramadan di UMK dengan aktiviti kerohanian.



Program Infaq PIUMK



Sebagai sebuah pusat perkhidmatan yang cakna tentang kebajikan pelajar, Pusat Islam UMK telah melancarkan Program Infaq PIUMK pada Mei 2017. Program Infaq PIUMK merupakan satu inisiatif Pusat Islam bagi membantu kebajikan para pelajar yang kurang berkemampuan menikmati makanan secara percuma. Setelah menjalankan kajian soal selidik terhadap pelajar di ketiga-tiga kampus mendapati ramai pelajar berasal dari keluarga yang berpendapatan di bawah RM 1,000 dan mempunyai ahli keluarga yang ramai. Dengan merealisasikan Program Infaq UMK sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban kewangan pelajar terutama dari aspek makan dan minum. Dana program tersebut adalah sumbangan daripada staf UMK di ketiga-tiga kampus melalui potongan gaji secara bulanan. Program Infaq UMK telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.1/2017 (Kali Ke-169) dan telah dilancarkan pada 18 Mei 2017. Salah satu program yang telah dijalankan adalah Majlis Berbuka Puasa Sempena 10 Muharam di ketiga-tiga kampus pada 1 Oktober 2017 dengan menggunakan dana Program Infaq UMK. Pusat Islam juga telah mengenal pasti sebilangan pelajar yang dibantu melalui kupon makan melalui program ini.

Program Motivasi UPSR : *Achieve Your Target*



Program Achieve Your Target telah diadakan pada 12 Ogos 2017 bertempat di Dewan Auditorium Bangunan BAP, UMK Kampus Bachok. Ia merupakan salah satu program Pusat Islam UMK bersama komuniti melibatkan sembilan buah sekolah dalam Zon 2 Pejabat Pendidikan Daerah Bachok. Program tersebut melibatkan 70 murid yang bakal menduduki peperiksaan UPSR bagi sesi persekolahan 2017 dan melibatkan dua orang guru pengiring setiap sekolah. Program ini dirasmikan oleh Prof. Madya. Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau menekankan kepada kecemerlangan pelajar dari aspek akademik dengan tidak meninggalkan aspek kerohanian. Beliau mengharapkan program ini dapat diteruskan di masa akan datang. Antara pengisian program ialah Slot ceramah motivasi dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Menurut penyelar program tersebut Ustaz Khairudin Mat Lazim, program tersebut amat berkesan dan memberi pelbagai pendedahan kepada para murid tentang persediaan untuk menghadapi peperiksaan UPSR. Antara slot program tersebut adalah Success in Sciences yang disampaikan oleh Encik Shamsul Bahari bin Mohd Jali, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kamil 1, Pasir Puteh dan Puan Nor Yatmi binti Ariffin, Guru Sekolah Kebangsaan Kelaboran, Tumpat. Ceramah motivasi juga turut diadakan pada hari tersebut yang dikendalikan oleh Bahagian Kaunseling dan Kerjaya UMK.

Majlis Budaya Ilmu

Pada setiap pagi Khamis, Pusat Islam akan mengadakan Majlis Budaya Ilmu untuk staf UMK. Majlis Budaya Ilmu diadakan di pejabat-pejabat dan fakulti secara berkala di bawah Unit Pendidikan dan Pembangunan Insan. Majlis dimulai dengan bacaan al-Quran dan tazkirah oleh staf Pusat Islam yang bertugas. Majlis diakhiri dengan hebahan program-program Pusat Islam yang akan diadakan sepanjang tahun. Majlis Budaya Ilmu merupakan program yang telah dijalankan sejak tahun 2007 sehingga sekarang. Tidak hairanlah program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan staf di ketiga-tiga kampus apabila program berlangsung. Objektif Majlis Budaya Ilmu dilaksanakan ialah untuk meningkatkan kefahaman agama dan membudayakan pengajian Ilmu agama dalam kalangan warga UMK.



Majlis Tilawah Al-Quran Antara Universiti Peringkat Kebangsaan 2017

Pusat Islam UMK telah menghantar wakil pelajar iaitu Mohd Iqbal Nazuha Bin Mohd Kamil ke Majlis Tilawah Al-Quran Antara Universiti Peringkat Kebangsaan 2017 pada 21 Oktober 2017. Majlis berlangsung selama dua hari bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor. Sebanyak 38 peserta dari institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia telah menyertai majlis tersebut. Wakil daripada UMK telah mendapat tempat kelima dalam pertandingan tersebut. Mohd Iqbal Nazuha merupakan satu-satunya peserta yang mewakili UMK sejak Majlis Tilawah Al-Quran peringkat IPT dipertandingkan. Walau bagaimanapun pencapaian tersebut amat membanggakan dan akan diteruskan untuk masa-masa akan datang.



Pusat Islam bersama pelajar baharu (3M)

Universiti Malaysia Kelantan telah menerima pelajar baharu di ketiga-tiga kampus pada 5 September 2017. Pelbagai program dianjurkan oleh pejabat Hal Ehwal Pelajar sempena Minggu Mesra Mahasiswa (3M). Pusat Islam telah diberikan slot untuk mengisi aktiviti-aktiviti kerohanian seperti solat lima waktu, kuliah Maghrib dan Subuh serta slot program warga Pusat Islam bersama pelajar baharu. Program khusus Pusat Islam bersama pelajar baharu telah dijalankan pada 5, 6 dan 7 September di Kampus Kota, Bachok dan Jeli. Program tersebut dihadiri oleh Pengarah, Timbalan Pengarah dan semua staf Pusat Islam. Dalam program tersebut Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad memberi taklimat kepada pelajar tentang fungsi dan peranan Pusat Islam di UMK sebagai sebuah organisasi yang menekankan kepada pengamalan agama dan kebajikan pelajar. Dalam majlis tersebut juga, borang soal selidik telah diedar untuk mendapat data demografi dan tahap penguasaan ilmu fardu ain dalam kalangan pelajar untuk tindakan susulan Pusat Islam menyediakan program untuk pelajar.

Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat di Masjid Al-Ahmadi di Kampung Sedar, Tumpat



Pusat Islam UMK dengan kerjasama pejabat Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan majlis berbuka puasa bersama masyarakat. Beberapa daerah dipilih setiap kali menjelang Ramadan untuk diadakan majlis tersebut. Pada Ramadan yang lalu daerah yang dipilih ialah Bachok, Jeli, Kota Bharu dan Tumpat. Di daerah Tumpat, majlis berbuka puasa telah diadakan di Masjid Al-Ahmadi pada 7 Ramadan 1438H yang dihadiri oleh wakil staf Pusat Islam dan HEP serta pelajar UMK seramai 80 orang. Selain itu, pihak masjid juga telah menjemput seramai 200 orang penduduk kampung untuk bersama-sama dalam majlis tersebut. Majlis dimulai dengan ucapan penghargaan oleh Pengerusi Masjid dan disusuli dengan ucapan balas daripada Timbalan Pengarah Pusat Islam. Untuk memeriahkan lagi majlis tersebut, penduduk kampung dan warga UMK bergotong-royong memasak jamuan berbuka dan bubur lambuk. Sebanyak 300 bekas bubur lambuk telah diagih kepada penduduk kampung. Majlis diakhiri dengan berbuka puasa dan solat Maghrib secara berjemaah. Majlis berbuka puasa bersama masyarakat yang telah dijalankan berjaya mengeratkan hubungan silaturrahim antara komuniti dengan warga UMK.

Lensa @ PIUMK



Majlis Bacaan Yaasin & Solat Hajat 10 Tahun UMK
(30 November 2017)



Ucapan Pengarah dalam sesi bersama pelajar
baharu di Kampus Bachok
(6 September 2017)



Slot Kerohanian Minggu Mesra Mahasiswa di
UMK Kampus Jeli (7 September 2017)



Program Jom Infaq
Masjid UMK Kampus
Jeli (setiap hari)



Pembahagian Bubur Lambuk (6 Mei 2017)



Gotong-royong memasak bubur Aasyuura'
(6 September 2017)



Ceramah Isra' Mikraj oleh Syeikh Mohib (3 Mei 2017)



Perjumpaan bersama Jawatankuasa Teman UMK
(16 November 2017)



Bacaan doa sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan kali Ke – 7 pada 9 hingga 12 Oktober 2017 di Dewan Terbuka Keusahawanan, Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan



Kursus Pengurusan Jenazah 2017

Pusat Islam UMK telah mengadakan Kursus Pengurusan Jenazah serentak di UMK Kampus Bachok dan Kampus Jeli pada 23 Disember 2017. Kursus ini telah dapat mengumpul peserta seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, staf dan masyarakat setempat. Ceramah dan bimbingan di Kampus Bachok dipimpin oleh Ustaz Rosli bin Che Soh, Imam Tua Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Ustaz Muhd Huzaimi dan Ustazah Yusmabita, manakala di Kampus Jeli pula ialah Ustaz Mat Yaman bin Yassin, Imam Muda Masjid Mukim Berdang, Jeli. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengurusan jenazah yang tepat seiring dengan syariat Islam dan mengelakkan daripada perkara bidaah dan khurafat semasa menguruskan jenazah. Selain itu, ia bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah dalam menjalani kehidupan seharian serta merapatkan ukhuwah dan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama pelajar. Para peserta didedahkan dengan perbincangan ilmiah, praktikal pengurusan jenazah yang melibatkan cara-cara memandi, mengkafan, melakukan solat dan mengkebumikan jenazah. Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dalam ucapan penutup kursus tersebut di Kampus Bachok berkata, program ini penting kepada setiap individu muslim untuk memahirkan diri dalam pengurusan jenazah. Setiap orang perlu bersedia untuk melibatkan diri sekiranya berlaku kematian terutama sekali dalam kalangan keluarga terdekat. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati, sesi bergambar dan jamuan kepada semua peserta.



Sudut kenali staf PIUMK memperkenalkan Prof. Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak. Beliau mula berkhidmat di UMK pada 1 April 2007 sebagai Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah. Pengalaman beliau sebelum ini adalah sebagai mantan Ketua Pusat Islam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Beliau dilantik sebagai Ketua Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UniPeN) UMK pada 2007 sehingga 2010 di samping memegang jawatan sebagai Pengetua Kolej Kediaman UMK. Pada 2010, beliau menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Falsafah dan Ketamadunan) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sehingga 2014. Pada September 2014, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) dan kemudiannya dilantik sebagai Pemangku Pengarah di PBI pada 2015. Setelah memegang jawatan sebagai Pemangku Pengarah PBI

selama setahun, beliau dilantik sebagai Pengarah Pusat Islam UMK pada 1 Jun 2016. Pada 23 Julai 2017 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK yang memfokuskan kepada pengurusan dan pembangunan agenda

1- 'Spirituality In Islamic Entrepreneurship: Motivation And Achievements of Successful Entrepreneurs In Kelantan' Journal of Techno

Social. Vol.6, No.2. December 2014. UTHM.

2- 'Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam; Kajian Dalam Kalangan Usahawan Berjaya di Kelantan' Journal of Business and Social Development' Mac 2015, UMT.

3- Keusahawanan Islam; Rasulullah SAW dan Sahabat Sebagai Ikon Usahawan Berjaya. Penerbitan UMK 2016

4- 'Konsep Keusahawanan Islam; Terminologi, Kerohanian dan al-Falah.' Bab dalam buku - Keusahawanan Sosial Islam; Suatu Pengenalan Penerbitan UMK 2015

5- 'Ciri-ciri Personaliti dan Kerohanian Usahawan Muslim; Tinjauan Awal Dalam Kalangan Usahawan Mikro Di Kelantan' Bab dalam buku - Usahawan Kecil Melayu; Isu dan Penyelesaian. Penyunting Mohd Rafi Yaacob & Mohd Rosli Mohamad Penerbitan UMK 2014

6- 'Salah Faham Terhadap Hudud' Bab dalam buku - Isu-isu Dalam Pengajian Islam Penyunting: Shah Rul Anuar Nordin Penerbitan UTHM 2008

7- Tamadun Islam dan Tamadun Asia Editor dan Bab dalam Buku Penerbitan UMK 2016.

Pencapaian beliau sehingga kini menjadi perangsang kepada staf PIUMK untuk lebih berjaya di masa akan datang.



Kenaikan Pangkat Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan

Wan Mohd Amir bin Yusof merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam S44 Pusat Islam UMK. Beliau telah melapor diri di UMK pada 1 Oktober 2009 dengan jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam gred S41. Berdasarkan komitmen dan dedikasi dan sumbangan yang ditunjukkan sepanjang tujuh tahun berkhidmat di UMK, beliau mendapat pengiktirafan dengan dianugerahkan kenaikan pangkat gred S44 pada 1 Julai 2017. Semoga beliau dapat meningkatkan lagi kecemerlangan dan sumbangan kepada UMK di masa akan datang.

Pelajar SL1M di PIUMK



Pusat Islam UMK telah menerima seorang pelajar Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) pada 29 Mei 2017 iaitu Muhammad Afiq Asyraf bin Mohd Asri. Beliau berasal dari Jabi, Jerneh Terengganu dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dan Kaunseling Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Merupakan anak sulung dari empat orang adik-beradik, perwatakannya dilihat matang serta berdedikasi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan di PIUMK. Setelah enam bulan menabur bakti kepada warga UMK, perkhidmatan beliau berakhir pada 24 November 2017. Pihak PIUMK mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas budi dan jasa sepanjang perkhidmatan beliau di PIUMK. Kenangan manis bersama beliau tersemat di sanubari warga UMK khususnya staf PIUMK. Semoga beliau meneruskan perjuangan untuk menggapai cita-cita dan menjadi insan yang bernilai kepada masyarakat dan negara. Salam perpisahan daripada warga PIUMK.

DIREKTORI STAF



WAN MOHD AMIR BIN YUSOFF
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S44
(KAMPUS BACHOK)



PROF. MADYA DR. AZHAR BIN MUHAMMAD
PENGARAH DS53



PROF. MADYA DR. MOHD ZAIN BIN MUBARAK
TIMBALAN PENGARAH DS54



EN. MOHD BINYAMIN BIN CHE YAACOB
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S29
(KAMPUS KOTA)



MUHD KHALID EL-MUHAMMADY BIN MUHD
UTHMAN EL-MUHAMMADY
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S41
(KAMPUS JELI)



NOR ZAKWAN BIN CHE MUSA
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S29
(KAMPUS BACHOK)



NIK MOHD IDHAM SHAH BIN
NIK MOHAMED
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19
(KAMPUS BACHOK)



MOHD HAFIZUDDIN BIN MAT NAZIZ
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S29
(KAMPUS JELI)



KHAIRUDIN BIN MAT LAZIM
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19
(KAMPUS BACHOK)



NORMA BINTI ABDULLAH
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19
(KAMPUS BACHOK)



MUHAMMAD HUSNI BIN KAMARUDDIN
PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM S19
(KAMPUS JELI)

Zakat@UMK

Sudahkah Anda
Membayar Zakat ?

Anda Boleh Membuat Pengiraan
dan Pembayaran Zakat di Kaunter
Pejabat Pusat Islam UMK

Hubungi Talian Zakat PIUMK
09-7797475

Zakat
Pendapatan,
Simpanan,
Perniagaan,
Saham, Emas
& Perak,
Ternakan &
Tanaman

Berzakat

**REZEKI
BERKAT**